

20 SEP 2002

BELANJAWAN-BUMIPUTERA

KERAJAAN AKAN LEBIH TELITI TAWARKAN KONTRAK KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan lebih teliti dalam menawarkan kontrak kepada usahawan Bumiputera pada masa hadapan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata kontrak akan hanya diberi kepada mereka yang benar-benar komited, bertanggungjawab, mempunyai organisasi yang sesuai dan modal yang berpatutan serta bersungguh-sungguh berusaha untuk maju sebagai usahawan tulen dalam bidang pembinaan.

Katanya jika didapati mana-mana pihak, menjual kontrak atau tidak mengambil bahagian aktif dalam urusan kontrak, mereka akan disenarai hitamkan.

Ketika membentangkan belanjawan 2003 di Parlimen, Dr Mahathir yang juga menteri kewangan berkata, ini kerana berasaskan pengalaman, terdapat kontraktor, terutamanya Bumiputera, yang diberi kontrak kerajaan tidak dapat melaksanakannya dengan sempurna, walaupun telah diberi banyak kemudahan dan kelonggaran syarat.

"Ada juga antara mereka yang menjual kontrak yang ditawarkan hanya untuk memperolehi keuntungan segera. Tindakan tidak bertanggungjawab ini telah menjejaskan usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

Dr Mahathir berkata bagi memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera mendapat kontrak yang lebih besar dan memandangkan kadar sekarang tidak pernah disemak sejak tahun 70'an, Kerajaan akan meningkatkan nilai kerja kontraktor seperti berikut: Kelas A: daripada RM4 juta ke atas kepada RM15 juta ke atas; Kelas B: daripada RM2 juta hingga RM8 juta kepada RM5 juta hingga RM15 juta;

Kelas C: daripada RM750,000 hingga RM2 juta kepada RM2 juta hingga RM5 juta; Kelas D: daripada RM150,000 hingga RM750,000 kepada RM500,000 hingga RM2 juta; Kelas E: daripada RM100,000 hingga RM350,000 kepada RM200,000 hingga RM500,000; dan Kelas F: daripada RM100,000 ke bawah kepada RM200,000 ke bawah.

Perdana Menteri berharap kontraktor Bumiputera bersedia meningkatkan daya keusahawan dan keupayaan teknikal mereka supaya kelayakan yang lebih tinggi dapat dimanfaatkan dan kualiti kerja terjamin.

Di samping itu, katanya untuk memberi lebih peluang kepada kontraktor kelas F, beberapa projek infrastruktur di luar bandar, termasuk pembinaan jalan kampung dan jambatan, membaiki bangunan seperti surau, dewan orang ramai dan kemudahan asas akan dilaksanakan.

Sebanyak RM963 juta akan dibelanjakan tahun ini dan diagihkan secara seimbang, dengan keutamaan diberi kepada negeri miskin dan yang banyak kawasan pendalaman, katanya.

Mengenai projek usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan (PROSPER) yang dilancarkan dalam tahun 2000, Dr Mahathir berkata projek itu akan diteruskan menerusi fasa kedua dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Katanya fasa pertama projek itu dengan dana RM15 juta sedang dilaksanakan dan sebanyak 155 syarikat telah diberi kelulusan menyertainya termasuk 21 syarikat yang dimiliki oleh bekas tentera.

-- BERNAMA

AKT OS